

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 APRIL 2016

Nilai ringgit catat prestasi terbaik serantau: Najib

BH-19/4/2016

Kuala Lumpur: Ringgit yang mula mengukuh tahun ini dan mencapai tahap tertinggi 3.8650 berbanding dolar Amerika pada 14 April, menjadikannya mata wang berprestasi terbaik di rantau ini, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Najib Razak berkata, peningkatan 11 peratus itu dicatat sejak akhir tahun 2015.

Najib berkata, harga komoditi, terutama minyak mentah juga diunjurkan meningkat dengan purata harga minyak mentah Brent, West Texas Intermediate (WTI) dan Dubai Fateh dijangka melebihi AS\$40.99 satu tong pada akhir tahun 2017.

Beri kesan positif

“Secara tidak langsung, pemulihan ini dijangka memberi kesan positif kepada pergerakan ringgit, memandangkan pergerakan ringgit mengikut trend harga minyak mentah dunia.

“Hasil kerajaan daripada sumber minyak dijangka bertambah dan seterusnya akan mengukuhkan kedudukan fiskal kerajaan,” katanya pada Persidangan Dewan Negara, semalam.

Najib berkata demikian semasa

menjawab pertanyaan Senator Datuk Mariany Mohammad Yit yang ingin tahu unjuran pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2016 dan prospek pemulihan ekonomi global.

Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia dianggar berkembang pada kadar 4.0 peratus hingga 4.5 peratus tahun ini.

Najib berkata, pada tahun ini, permintaan dalam negeri diunjurkan berkembang 4.3 peratus dan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong, terutama oleh perbelanjaan sektor swasta.

Katanya, sektor luaran pula dijangka terus menyumbang kepada pertumbuhan melalui kepelbagaian eksport sejajar dengan permintaan luar negara yang sederhana.

Eksport dijangka meningkat 3.2 peratus pada tahun ini berbanding 0.7 peratus tahun lalu, manakala import dijangka berkembang pada kadar 3.4 peratus berbanding 1.3 peratus pada 2015.

Najib menjelaskan unjuran perkembangan ekonomi Malaysia tahun ini sudah mengambil kira faktor pemulihan ekonomi global yang dijangka masih perlahan.

“Kelembapan ekonomi dunia, te-

rutama China, penyederhanaan harga komoditi dunia berikutan lebih penawaran dan ketidakpastian pasaran kewangan akan menjadi faktor penyumbang kelembapan ekonomi Malaysia,” katanya.

Pemulihan ekonomi global

Bagi tahun 2017, Najib berkata, pertumbuhan ekonomi negara diunjurkan berkembang lebih baik selaras dengan pemulihan ekonomi global.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Prospek Ekonomi Dunia oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bulan ini, ekonomi dunia dianggarkan berkembang pada kadar lebih tinggi iaitu 3.5 peratus pada tahun 2017 berbanding 3.2 peratus pada tahun 2016.

Najib berkata, perdagangan dunia pula dijangka lebih rancak pada tahun depan dengan peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding 3.1 peratus tahun ini.

Katanya, berdasarkan landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dijangka lebih memberangsangkan pada tahun 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur menjadi lebih kukuh.

BERNAMA